

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 4 (15)

Tarikh : 8 November 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 16/2021

PENAMBAHBAIKAN DASAR JAMINAN KUALITI PROGRAM PENGAJIAN LUAR NEGERA YANG DITAWARKAN SECARA KERJASAMA DENGAN PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) TEMPATAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah mengeluarkan pemakluman berkaitan 'Penambahbaikan Dasar Jaminan Kualiti Program Pengajian Luar Negara yang Ditawarkan secara Kerjasama dengan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Tempatan' kepada Universiti Awam (UA), JPT(A)1000/001/013/05 Jld. 7 (9) bertarikh 23 September 2021 dan disusuli dengan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), JPT/GS 1000-617 Jld. 3 (27) bertarikh 13 Oktober 2021.
3. Kedua-dua pemakluman tersebut merujuk kepada keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPT-MQA Bil. 2/2021 bertarikh 13 Julai 2021 yang bersetuju dengan cadangan penambahbaikan ke atas beberapa dasar jaminan kualiti yang dinyatakan dalam Pekeliling MQA Bil. 4/2017 bertarikh 11 Oktober 2017 berhubung Dasar Jaminan Kualiti Program Pengajian Luar Negara yang Ditawarkan secara Kerjasama dengan PPT Tempatan.
4. Merujuk kepada penambahbaikan yang dinyatakan dalam **Lampiran 1**, beberapa aspek dalam program pengajian luar negara yang ditawarkan secara kerjasama dengan PPT tempatan tidak perlu berpandukan kepada standard program yang ditetapkan oleh MQA sepenuhnya tetapi perlu **mematuhi keperluan bidang program**.
5. Selaras dengan penambahbaikan tersebut, PPT dimohon mengambil maklum dengan **pemansuhan** kepada beberapa ketetapan sedia ada dalam pemakluman yang dikeluarkan oleh JPT dan MQA sebelum ini seperti berikut:

- i) Perkara 1.2.2 VI dalam 'Dasar Kerjasama Kursus Pengajian dari Konteks IPTS sebagai *Franchisee*' melalui Pekeliling Pengurusan Pendidikan Tinggi Swasta (PPTS), Jabatan Pendidikan Tinggi Bil. 2/2017 bertarikh 12 April 2017;
- ii) Perkara A3 dan A4 pada Lampiran A dalam Pekeliling MQA Bil. 4/2017 bertarikh 11 Oktober 2017; dan
- iii) Pengecualian mematuhi standard program yang diberikan kepada PPT luar negara yang berada dalam ranking 15% terbaik dunia dalam Pekeliling MQA Bil. 4/2017 bertarikh 11 Oktober 2017.

PPT yang mengemukakan permohonan akreditasi bagi program yang tidak mematuhi dasar dan prosedur yang ditetapkan akan ditolak seawal pada peringkat penilaian Akreditasi Sementara.

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap penambahbaikan Dasar Jaminan Kualiti Program Pengajian Luar Negara yang Ditawarkan secara Kerjasama dengan PPT Tempatan adalah seperti berikut:

TARIKH	PERKARA
1 Disember 2021 sehingga 30 November 2022	Tempoh transisi bagi semua program secara kerjasama yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh.
1 Disember 2021	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi penambahbaikan.

7. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya bagi memenuhi aspek jaminan kualiti yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 9, Canseleri
Universiti Malaya
50603 W.P. KUALA LUMPUR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Putrajaya Campus
Jalan IKRAM-UNITEN
43000 KAJANG, SELANGOR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK

Lampiran 1

PENAMBAHBAIKAN DASAR JAMINAN KUALITI PROGRAM PENGAJIAN LUAR NEGARA YANG DITAWARKAN SECARA KERJASAMA DENGAN PPT TEMPATAN

BIL.	PERKARA	PROGRAM KERJASAMA	PROGRAM KAMPUS CAWANGAN	PROGRAM PERSIJILAN
1.	Program yang hendak ditawarkan di PPT tempatan adalah program yang diluluskan oleh Senat PPT induk dan masih ditawarkan di PPT induk.	Perlu dipatuhi	Kampus cawangan luar negara dibenarkan untuk menawarkan kursus pengajian yang tidak ditawarkan di kampus induk dengan syarat mendapat kelulusan daripada senat kampus induk dan tertakluk kepada syarat penubuhan kampus cawangan luar negara oleh KPT.	Berdasarkan kelulusan nilai taraf oleh MQA
2.	Penamaan (nomenclature) program perlu sama seperti yang digunakan di PPT induk.	Perlu dipatuhi	Kampus cawangan luar negara dibenarkan untuk menawarkan kursus pengajian yang tidak ditawarkan di kampus induk dengan syarat mendapat kelulusan daripada senat kampus induk dan tertakluk kepada syarat penubuhan kampus cawangan luar negara oleh KPT.	Berdasarkan kelulusan nilai taraf oleh MQA
3.	Kredit bergraduasi program perlu memenuhi keperluan kredit bergraduasi minimum berdasarkan tahap kelayakan MQF.	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi

BIL.	PERKARA	PROGRAM KERJASAMA	PROGRAM KAMPUS CAWANGAN	PROGRAM PERSIJILAN
4.	Tempoh penawaran program perlu memenuhi tempoh minimum yang ditetapkan oleh KPT atau seperti mana pelaksanaan di PPT induk, yang mana lebih tinggi.	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi
5.	Memenuhi hasil pembelajaran berdasarkan tahap kelayakan program yang ditetapkan oleh MQF.	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi
6.	Memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan oleh bidang program.	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi
7.	Body of Knowledge (BoK) program perlu mematuhi keperluan bidang yang mana rujukan juga boleh dibuat pada standard program yang berkaitan.	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi	Berdasarkan kelulusan nilai taraf oleh MQA
8.	Penilaian pelajar perlu mematuhi keperluan bidang .	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi	Berdasarkan kelulusan nilai taraf oleh MQA
9.	Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) wajib ditawarkan seperti mana yang ditetapkan oleh KPT.	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi
10.	Latihan industri wajib ditawarkan seperti mana yang ditetapkan dalam standard program MQA. Pengecualian kepada latihan industri boleh dipertimbangkan bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus yang melibatkan industri.	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi	Kurikulum berdasarkan kelulusan nilai taraf oleh MQA

BIL.	PERKARA	PROGRAM KERJASAMA	PROGRAM KAMPUS CAWANGAN	PROGRAM PERSIJILAN
11.	Pendedahan kepada elemen atau topik tempatan perlu diambil kira dalam pelaksanaan program.	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi
12.	Memenuhi kelayakan masuk minimum yang ditetapkan oleh KPT atau standard program atau seperti mana pelaksanaan di PPT induk, yang mana lebih tinggi.	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi	Perlu dipatuhi